

12 SEP 1996

Anwar-Kepelbagaian

MALAYSIA MAHU MEMPELBAGAIKAN EKSPORT KE KOREA SELATAN

KUALA LUMPUR, 12 Sept (Bernama) -- Malaysia mahu mempelbagaikan eksportnya ke Korea Selatan bagi memasukkan barangan perkilangan dan separa perkilangan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, malam ini.

Beliau berkata ini perlu memandangkan sebelum ini, hubungan perdagangan dua hala antara Malaysia dan Korea Selatan sering memihak kepada Malaysia tetapi sejak dua tahun lepas, trend itu telah berubah.

Bagi tempoh Januari hingga April tahun ini, jumlah perdagangan ialah RM5,130 juta, katanya selepas meraikan Timbalan Perdana Menteri Korea Selatan, Dr Han Seung Soo, pada satu jamuan malam di sini.

Dr Han berlepas pulang ke tanahairnya malam ini selepas mengadakan lawatan tiga hari ke Malaysia, yang termasuk mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anwar berkata dengan mempelbagaikan eksport, Malaysia boleh mengurangkan defisit perdagangannya yang meningkat kepada RM2,760 juta tahun lepas berbanding dengan RM658 juta pada 1994.

Peningkatan defisit perdagangan itu berpunca daripada pertambahan import sirkit elektronik, emas, produk besi dan keluli sedangkan eksport Malaysia merangkumi kebanyakannya barangan berharga rendah seperti produk belum diproses.

"Masalah imbalan bayaran adalah berikutan pengimportan barangan perantaraan dan ia adalah sangat kritikal bagi pihak kami. Malaysia akan membangunkan sektor perindustrian bagi mengatasi masalah ini," katanya.

Anwar berkata Korea Selatan merupakan rakan kongsi perdagangan ketujuh terbesar Malaysia pada tahun lepas. Jumlah perdagangan antara kedua-dua negara tahun lepas ialah RM13,150 juta, yang bertambah sebanyak 41.9 peratus berbanding 1994.

Beliau berkata perdagangan dua hala telah berkembang dengan pesat sejak beberapa tahun lepas dan ini terbukti daripada peningkatan jumlah dagangan dan pelaburan oleh syarikat-syarikat Korea.

"Malaysia percaya kepada potensi perdagangan dan kerjasama jangka panjang dengan Korea Selatan. Kami percaya bahawa kerjasama kita sekarang akan memanfaatkan kedua-dua negara dan kami berharap akan terus mengukuhkan aktiviti kerjasama dan usahasama," katanya.

Anwar berkata lawatan Dr Han adalah tepat pada masanya dan berharap ia akan menggalakkan lebih banyak pelaburan daripada syarikat-syarikat Korea Selatan dan membantu industri kecil dan sederhana (IKS) di Malaysia.

Beliau berkata Malaysia kekurangan rangkaian IKS yang kukuh dan berkesan yang boleh membekalkan komponen berkualiti pada harga berdaya saing kepada syarikat-syarikat multinasional.

Anwar juga memberi jaminan bahawa Malaysia akan melaksanakan susulan terhadap semua isu berkenaan yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak semasa lawatan Dr Han.

Beliau berkata Malaysia mahu menjadi negara maju dan ia terpaksa menghadapi banyak cabaran yang sememangnya sukar.

"Malaysia memerlukan bantuan dan Korea Selatan adalah sebuah negara yang telah melalui proses itu dan membuktikan kepada dunia bahawa negara membangun terutama dari Asia Timur boleh berjaya," katanya.

Dr Han, yang menyifatkan Malaysia sebagai penentu rentak dalam pembangunan ekonomi di rantau ini, berharap kedua-dua negara akan meningkatkan kerjasama dua hala. -- BERNAMA

ARA NAK